

# GARIS PANDUAN RINGKAS KEPADA PENGGUNA PENAPIS AIR

## PESANAN KOMUNITI DARIPADA WECAM:

1. Kenal pasti masalah kualiti air di kawasan anda. Anda mesti mengetahui bahan yang menyebabkan masalah kepada anda. Ini dapat dilakukan dengan senang melalui pemerhatian kepada kualiti air seperti warna dan bau.
2. Kenal pasti jenis perawatan yang diperlukan, sama ada untuk keseluruhan rumah Titik Kemasukan (Point of Entry: POE) atau satu pili, Titik Penggunaan (Point of Use: POU). Kebanyakan masalah berpunca daripada karat, mangan atau bau, POE merupakan penyelesaian mudah, POU hanya digunakan jika bekalan air mempunyai masalah nitrat dan ammonia (***bekalan air di Malaysia tidak mempunyai masalah ini***) kerana boleh menyebabkan masalah kesihatan. POU boleh digantikan melalui proses pendidihan air sebelum penggunaan.
3. Jika air anda berwarna, gunakan sistem penapis yang biasa, gunakan penapis bersaiz 0.5 mikrometer atau 5 mikron. Ini mencukupi untuk mengeluarkan pepejal terampai dalam air. Warna secara biasanya disebabkan oleh paip besi bergalvani dan mangan.
4. Jika bau atau rasa merupakan masalah utama, karbon teraktif boleh menyelesaikan masalah anda. Karbon teraktif mengeluarkan bahan organik yang menyebabkan bau dan rasa.
5. JANGAN percaya dakwaan mengenai KEBAIKAN KESIHATAN yang diberikan untuk menjual penapis air. Penapisan asas sudah mencukupi. Didihkan air untuk penggunaan, ini boleh membunuh bakteria.

## Tanggungjawab Pengguna-pengguna:

- Pastikan jenis penapis adalah bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Periksa semua dakwaan oleh syarikat penapis air dengan agensi bertauliah.
- Jika penapis anda mengeluarkan klorin daripada air terawat, jangan simpan air yang ditapis terlalu lama. Adalah disyorkan bahawa ia digunakan setelah dididihkan. Air TIDAK BOLEH disimpan terlalu lama tanpa klorin.
- Selenggara penapis anda dengan kerap. Kegagalan menyelenggara boleh menyebabkan kontaminasi yang lebih teruk kepada air yang anda gunakan kerana penapis gagal untuk berfungsi.
- Jika anda mempunyai masalah kualiti air atau ingin melaporkan tentang syarikat yang memberikan dakwaan yang salah, anda boleh membuat laporan kepada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) melalui **nccc@nccc.org.my** atau e-Aduan di **www.nccc.org.my** atau hubungi pusat aduan di talian **03-7877 9000**.
- For more information please email us at **general@wecam.org.my**.